

**TAHAP PERSONALITI DALAM KALANGAN REMAJA DI
KAMPUNG SERI PILAH, KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN**

***PERSONALITY LEVELS AMONG ADOLESCENTS IN KAMPUNG
SERI PILAH, KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN***

Nur Deenina Madihan Ahmad Fadzil

Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan,
Fakulti Pengajian Islam, UKM

Siti Aishah Yahya*

Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan,
Fakulti Pengajian Islam, UKM

**Corresponding Author's Email: Sitiaishah85@ukm.edu.my*

Article History:

Received : 17 September 2024

Accepted : 25 November 2024

Published : 26 December 2024

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Fadzil, N. D. M. & Yahya, S. A. (2024). Tahap Personaliti dalam Kalangan Remaja di Kampung Seri Pilah, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. *Jurnal 'Ulwan*, 9(2), 208-217.

ABSTRAK

Remaja merupakan generasi yang akan membentuk masa depan negara. Walau bagaimanapun, pada hari ini ramai remaja yang tidak sedar tentang bagaimana penilaian personaliti diri. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap personaliti exstrovert, introvert dan neurotic dalam kalangan remaja dan menganalisis hubungan personaliti dengan tahap pendidikan remaja. Kajian ini menggunakan empat demografi iaitu umur, jantina, tahap pendidikan dan pendapatan ibu bapa. Soal selidik yang digunakan bagi kajian ini adalah Inventori Personaliti Eysenck Junior yang diubah suai oleh Sidek Mohd Noah (2003). Soal selidik diedarkan kepada remaja yang berumur 15 hingga 25 tahun yang menetap di Kampung Seri Pilah, Kuala Pilah, Negeri Sembilan melibatkan seramai 50 responden. Data kajian ini dianalisis menggunakan teknik statistik deskriptif (kekerapan, peratus, min) dan kolerasi Pearson (hubungan) dengan menggunakan Statistical Package For Social Science (SPSS) versi ke-29. Hasil kajian menunjukkan 36 orang responden atau 72% adalah berada pada dimensi introvert manakala 14 orang responden bersamaan 28% peratus adalah pada dimensi ekstrovert. Selain itu, hasil analisis kajian menunjukkan lebih ramai responden yang

mempunyai dimensi neurotic iaitu sebanyak 52% peratus dan selebihnya iaitu 48% peratus mengalami emosi yang stabil. Kajian ini juga menunjukkan terdapat hubungan yang kuat dan signifikan antara personaliti dengan tahap pendidikan remaja iaitu nilai $r = 0.05$, $p = .733$, $k > 0.05$. Secara keseluruhan kajian mendapati personaliti sesuai digunakan oleh remaja di Kampung Seri Pilah, Kuala Pilah, Negeri Sembilan bagi mendapatkan perincian personaliti remaja. Implikasi kajian ini dapat mengupas dan mengetengahkan komponen-komponen penting dalam personaliti introvert, ekstrovert dan neutorikseterusnya dapat membantu pihak sekolah, kerajaan dan NGO terlibat untuk memperbaiki akhlak dan jiwa khususnya kepada remaja yang akan menjadi pemimpin pada masa akan datang.

Kata kunci: Personaliti; Remaja; Introvert; Ekstrovert; Neurotik

ABSTRACT

Teenagers are the generation that will shape the future of the country. However, today many teenagers are not aware of how to evaluate their personality. The objective of this study was to identify the level of extroverted, introverted and neurotic personality among adolescents and to analyze the relationship between personality and adolescent education level. The study used four demographics, namely age, gender, education level and parental income. The questionnaire used for this study was the Eysenck Junir Personality Inventory modified by Sidek Mohd Noah (2003). The questionnaire was distributed to teenagers aged 15 to 25 years who live in Kampung Seri Pilah, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, involving a total of 50 respondents. The data of this study were analyzed using descriptive statistical techniques (frequency, percentage, mean) and Pearson correlation (relationship) using the 29th edition of the Statistical Package For Social Science (SPSS). The results of the study showed that 36 respondents or 72% were in the introverted dimension while 14 respondents equivalent to 28% percent were in the extroverted dimension. In addition, the results of the study analysis showed that more respondents had a neurotic dimension (52% per cent) and the remaining (48% per cent) experienced emotional stability. This study also showed that there was a strong and significant relationship between personality and adolescent education level, namely $r = 0.05$, $p = .733$, $k > 0.05$. Overall, the study found that personality is suitable for use by teenagers in Kampung Seri Pilah, Kuala Pilah, Negeri Sembilan to obtain details of adolescents' personalities. The implications of this study can explore and highlight the important components of introverted, extroverted and neutronic personalities, thereby helping schools, governments and NGOs to be involved in improving morals and souls, especially for adolescents who will become leaders in the future.

Keywords: Personality; Teenagers; Introvert; Extroverts; Neurotics

1.0 PENGENALAN

Gejala sosial yang berlaku di Malaysia banyak yang melibatkan golongan remaja. Ini adalah antara masalah yang tidak berkesudahan. Antara sebab perkara ini berlaku adalah akibat daripada kurang kesedaran dalam diri dan tidak memikirkan implikasi daripada perbuatan yang dilakukan. Pada hari ini, golongan remaja terdedah dengan lebih awal dengan teknologi dan pelbagai jenis sumber maklumat. Perkara ini menjadi suatu impak yang besar kepada golongan remaja kerana perkembangan personaliti mereka yang normal akan terganggu dengan perkara yang negatif. Fenomena ini juga boleh mengganggu perkembangan dan pertumbuhan fizikal, kognitif, psikomotor dan emosi mereka. Oleh kerana itulah pentingnya personaliti diri demi membentuk nilai yang baik dalam diri seseorang. Islam mendefinisikan personaliti sebagai akhlak dan akhlak merangkumi asas dalaman dan paparan terhdap perlakuan luaran (Nurul Hudani Md. Nawawi & Baharudin Othman, 2015). Setiap individu mempunyai personaliti yang berbeza untuk membentuk nilai-nilai baik dalam diri masing-masing. Pada awal usia, personaliti seseorang adalah dinilai dan dipengaruhi oleh pengalaman. Berdasarkan pengalaman, personaliti akan wujud melalui pembinaan peribadi dan sikap seseorang. Persekitaran juga merupakan perkara yang mempengaruhi personaliti seseorang sama ada stabil atau tidak ketika mereka meningkat dewasa. Cara didikan ibu bapa atau pengalaman hidup yang dilalui berkemungkinan menjadi faktor utama kepada masalah personaliti remaja pada hari ini. Mereka sangat terdedah dengan aktiviti yang sukar dikawal akibat cabaran globalisasi yang wujud pada ketika ini.

Selain itu, pendidikan merupakan suatu perkembangan yang berterusan bagi meluaskan potensi individu terutama pelajar ke arah kecemerlangan akademik yang kukuh. Komitmen dan tujahan oleh kerajaan Malaysia yang memberikan keutamaan kepada aspek pendidikan, menjadikan kualiti pendidikan terus berada di landasan yang baik (Ismail Sulaiman, 2019). Namun, dapat dilihat bahawa tidak semua remaja mempunyai minat untuk belajar lebih-lebih lagi mereka yang menetap di kawasan luar bandar. Sebahagian daripada mereka dilihat mengambil remeh tentang pelajaran. Hal ini juga memberikan kesan yang buruk kepada perkembangan personaliti mereka. Setiap daripada individu perlu sedar bahawa pendidikan dapat membantu membangunkan ekonomi negara di samping mampu melahirkan remaja atau pelajar yang berwibawa, berdedikasi dan berpengetahuan tinggi yang akan menerajui kepimpinan negara dengan segala ilmu pengetahuan yang dimilikinya. Bagi merealisasikan impian ini, semua pihak perlulah bekerjasama dalam ilmu pembentukan personaliti remaja bagi menghasilkan generasi yang lebih berwibawa dan berkeyakinan. Justeru, artikel ini adalah untuk menganalisis tahap personaliti remaja sama ada mereka introvert, ekstrovert atau neurotik.

2.0 KONSEP PERSONALITI

Istilah personaliti berasal daripada perkataan Latin iaitu 'persona' yang membawa maksud 'topeng muka'. Topeng muka pada hari ini ditafsirkan sebagai sifat-sifat manusia seperti kelakuan, cara berfikir, emosi yang ditunjukkan dan nilai unik yang ada dalam diri. Selain itu, istilah personaliti juga adalah mengenai perkaitan antara

pemikiran, emosi dan perasaan dengan tingkah laku individu (Rahil Mahyuddin & Habibah Elias et al, 2007). Di samping itu, personaliti dilihat sebagai satu gambaran kepada segala tingkah laku yang akan dilakukan oleh seseorang individu sama ada daripada segi dalaman atau luaran. Personaliti juga melambangkan ciri keperibadian individu iaitu kecenderungan seorang untuk bertingkah laku mengikut cara tertentu.

Daripada perspektif Islam, personaliti dimaksudkan sebagai sahsiah ataupun akhlak. Perkataan akhlak berasal daripada kalimah Bahasa Arab iaitu 'khuluq'. Khuluq bermaksud perangai seseorang terhadap Allah dan seluruh alam dan berlaku interaksi antara kedua belah pihak (al-Hasyimi, 1981). Ia juga merujuk kepada keimanan seseorang individu (Nurul Hudani Md Nawawi & Baharudin Othman, 2016). Al-Ghazali pula mendefinisikan akhlak sebagai satu gambaran yang menunjukkan keadaan diri yang sehati sehingga dapat melahirkan tingkah yang mudah dihadap tanpa memerlukan pengulangan (Ghazali, 1966).

Berikut adalah definisi personaliti daripada tokoh-tokoh Barat. Allport (1971) menyatakan bahawa personaliti adalah sesuatu yang sebenar dalam diri seorang individu yang boleh membimbing kepada setiap ciri perlakuannya serta cara seseorang berfikir. Menurut Allport (1971) juga, personaliti setiap daripada individu merupakan satu bentuk organisasi sistem psikologi dan fizikal dinamik dari satu peringkat untuk ke peringkat cara perkembangan yang lain. Eysenck (1947) membawa definisi personaliti sebagai satu organisasi yang menentukan sesuatu keunikan yang sesuai dengan persekitaran.

2.1 Sumber Personaliti Dalam Islam

i) Al-Quran

Al-Quran adalah kitab suci yang diyakini oleh seluruh umat Islam. Al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad melalui malaikat Jibril. Kitab ini diturunkan kepada baginda secara berperingkat dan Al-Quran adalah dalam Bahasa Arab. Apabila diteliti dengan lebih baik, Al-Quran mempunyai banyak ayat yang mengajar kita tentang personaliti dan akhlak yang baik. Satu perempat daripada ayat tersebut adalah tentang etika dan akhlak. Antara contoh akhlak lain yang terdapat dalam Al-Quran adalah mengenai galakan supaya sabar dan memaafkan kesalahan orang lain, sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Syura ayat 43:

Maksudnya: 'Tetapi barangsiapa bersabar dan memaafkan, sungguh yang demikian itu termasuk perbuatan yang mulia'.

Jelas bahawa Al-Quran adalah sebuah kitab yang menjadi rujukan seluruh umat Islam dan membuktikan kepada kita apa yang benar dan salah. Al-Quran mengajar kita menggunakan akal fikiran untuk membuat pilihan yang baik dan mengikut segala peraturan yang terdapat di dalamnya. Hal ini dapat membantu kita untuk sentiasa berakhlak mulia demi wujudkan komuniti yang baik.

ii) Hadis

Hadis merupakan sumber ilmu yang sangat penting bagi umat Islam. Ia termasuk semua perkara yang Nabi Muhammad katakan, lakukan, atau setuju. Umat Islam percaya bahawa hadis itu diilhamkan oleh Allah dan hadis dapat mengajar kita bagaimana menjadi orang yang berakhlak mulia dan yang paling penting dapat membantu kita memahami Al-Quran dengan lebih baik. Antara hadis yang menerangkan tentang akhlak adalah;

'Daripada Abu Hurairah RA katanya, Rasulullah SAW bersabda, orang mukmin yang paling sempurna imannya ialah mereka yang paling baik akhlaknya. Sebaik-baik kamu ialah mereka yang paling baik (pergaulan) dengan isterinya'. (Riwayat At-Tirmizi, Hadis Hasan Sohib)

Huraian daripada hadis di atas adalah, akhlak yang baik merupakan ciri-ciri sempurnanya iman seseorang. Oleh itu, peribadi yang mulia dapat dibentuk dengan iman yang sempurna dan akhlak yang baik. Selain itu, pergaulan antara suami isteri dalam perkahwinan adalah perkara baik dan dapat mengekalkan keharmonian dalam berumah tangga. Perkara ini adalah dituntut oleh Islam dan diberi ganjaran yang baik oleh Allah SWT.

2.2 Jenis Personaliti

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, ekstrovert bermaksud orang yang berminat terhadap perkara yang berlaku di sekitarnya serta suka bergaul dengan orang lain. Selain itu, personaliti ekstrovert adalah seorang yang suka bersosial, mempunyai ramai kawan, tidak mahu belajar seorangan, aktif, mempunyai suara kuat dan lain-lain lagi. Individu ekstrovert juga suka kepada keseronokkan, suka mengambil kesempatan, suka menarik perhatian, peka kepada persekitaran dan optimistik.

Personaliti introvert pula adalah seorang pendiam, sentiasa menilai diri, suka menjauhkan diri, berhati-hati, tidak suka keseronokkan, dapat mengawal perasaan dan cemas. Selain itu, Rohaty (1992, dalam Narinder, 2002), mendefinisikan introvert sebagai seseorang yang tidak mudah marah tetapi memendam perasaannya berpanjangan dan menyimpan perasaan bencinya terlalu lama. Introvert dikatakan bersifat introspektif iaitu lebih menilai fikiran dan perasaannya sendiri. Mereka suka merancang perkara-perkara yang akan datang dan suka kepada kehidupan yang teratur. Selain itu, mereka juga lebih teratur dan agresif.

Neurotisme juga menunjukkan dua ciri individu yang stabil emosinya dan yang tidak stabil emosinya. Individu yang tidak stabil emosinya atau neurotik, mengikut perasannya, sensitif dan mudah ghairah. Jenis kedua adalah mereka yang stabil, tenang dan dapat mengawal perasaan dan boleh dipercayai. Secara kesimpulannya, individu neurotisme adalah mereka yang sering bimbang atau cemas dan rasa tertekan iaitu mereka yang terlalu beremosi. Menurut Atkinson (2002), neurotik adalah gangguan mental di mana individu tidak dapat menghadapi situasi cemas dan menyelesaikan konflik.

3.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan bagi mengkaji personaliti remaja di Kampung Seri Pilah. Soal selidik yang digunakan adalah Junior Eysenck Personality Inventory (JEPI) yang diubah suai oleh Sidek Mohd Noah sebagai instrumen kajian ini untuk mendapatkan data. Soal selidik dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A adalah mengenai demografi responden. Bahagian B adalah berkaitan tahap personaliti yang terbahagi kepada tiga iaitu introvert, ekstrovert dan neurotik. Sampel kajian pula dipilih secara bertujuan yang diambil dari kalangan remaja yang berumur antara 15 hingga 25 tahun yang menetap di Kampung Seri Pilah, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Data dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package For Social Science* (SPSS) versi ke-29. Borang soal selidik yang telah lengkap diisi oleh 50 responden telah diproses dalam analisis data. Data dianalisis dengan menggunakan statistik diskriptif iaitu analisis peratusan, min dan sisihan piawai bagi data yang berbentuk demografi. Manakala bagi analisis statistik inferensi pengkaji menggunakan kaedah analisis peratusan dan analisis kolerasi pearson digunakan untuk mendapatkan hubungan antara pemboleh ubah peramal bagi mencari hubungan personaliti dalam kalangan remaja.

4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Responden terdiri daripada kalangan remaja yang menetap di Kampung Seri Pilah, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Jadual di bawah ini menjelaskan taburan demografi responden.

Jadual 1: Demografi Responden

Demografi		Bilangan (N)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	25	50
	Perempuan	25	50
Umur	15-20 tahun	33	66
	21-25 tahun	17	34
Tahap Pendidikan	PT3	18	36
	SPM	19	38
	Diploma	8	16
	Degree	5	10
Pendapatan Ibu Bapa	RM 2000 ke bawah	26	52
	RM 2001 hingga RM 5000	11	22
	RM 5001 hingga RM 8000	8	16
	RM 8000 ke atas	5	10
Jumlah		50	100

Responden dalam kajian ini terdiri daripada remaja di Kampung Seri Pilah, Kuala Pilah Negeri Sembilan. Berdasarkan jadual, jumlah keseluruhan responden adalah seramai 50 orang iaitu seramai 25 orang lelaki bersamaan 50% dan 25 orang perempuan bersamaan 50%. Berdasarkan data tersebut, didapati bahawa responden dalam kalangan remaja di Kampung Seri Pilah ini adalah separuh daripada kaum lelaki dan separuh daripada kaum perempuan.

Seterusnya, jadual menunjukkan umur remaja di Kampung Seri Pilah. Remaja yang berumur 15 hingga 20 tahun adalah seramai 33 orang bersamaan 66% manakala remaja yang berumur 21 hingga 25 tahun adalah seramai 17 orang bersamaan 34%.

Selain itu, jadual menunjukkan demografi responden berdasarkan status persekolahan. Terdapat 18 orang bersamaan 36% yang menamatkan pembelajaran hingga ke peringkat PT3 sahaja. Bagi demografi remaja yang menamatkan pelajaran sehingga SPM adalah sebanyak 19 orang yang bersamaan dengan 38%. Seterusnya remaja yang melanjutkan pelajaran sehingga diploma adalah sebanyak 8 orang iaitu bersamaan dengan 16%. Mereka yang berjaya melanjutkan pelajaran sehingga degree pula adalah sebanyak 5 orang iaitu bersamaan 10%.

Akhir sekali, jadual menunjukkan demografi responden berdasarkan pendapat ibu bapa remaja di Kampung Seri Pilah. Remaja yang mempunyai ibu bapa yang berpendapatan sebanyak RM2000 ke bawah adalah sebanyak 26 orang iaitu bersamaan 52%. Bagi ibu bapa yang berpendapatan RM2001 hingga RM5000 pula adalah seramai 11 orang iaitu berfrekuensi 22%. Setelah itu, ibu bapa yang mempunyai pendapatan sebanyak RM5001 hingga RM8000 adalah sebanyak 8 orang bersamaan dengan 16%. Akhir sekali adalah ibu bapa yang berpendapatan RM8000 ke atas adalah sebanyak 5 orang iaitu bersamaan dengan 10%.

Jadual 2: Mengenal Pasti Tahap Personaliti Ekstrovert dan Introvert Remaja

Dimensi Ekstroversi	Bilangan	Peratus (%)
Ekstrovert	36	72
Introvert	14	28
Jumlah	50	100

Jadual 2 menunjukkan taburan dimensi personaliti ekstroversi. Jika responden berada pada tahap rendah dimensi ekstroversi, maka responden adalah introvert. Manakala jika responden yang berada pada tahap tinggi dimensi ekstroversi adalah ekstrovert.

Hasil kajian menunjukkan 36 orang responden atau 72% adalah berada pada dimensi introvert manakala 14 orang responden bersamaan 28% peratus adalah pada dimensi ekstrovert. Kajian ini selari dengan kajian daripada Siti Ramizah et al (2018) yang menunjukkan hasil kajian mengenai pola pameran emosi individu introvert dan ekstrovert. Bilangan individu introvert dan ekstrovert adalah dalam bilangan yang sama. Namun, individu introvert dan ekstrovert mempunyai cara yang berbeza dalam memilih lokasi dan jenis emosi yang dipamerkan. Angelo dan Vallereux (2008) menyatakan bahawa individu ekstrovert adalah mereka yang kerap

melibatkan diri dalam interaksi sosial. Menurut kajian Utz (2010) individu introvert pula adalah mereka yang akan menjaga perhubungan yang dibentuk dan memberikan perhatian pada rakan-rakan.

Jadual 3: Mengenal Pasti Personaliti Neurotik Remaja

Dimensi Neurotisme	Bilangan	Peratus (%)
Kestabilan Emosi	24	48
Neurotik (Emosi tidak stabil)	26	52
Jumlah	50	100

Jadual 3 menunjukkan taburan bagi dimensi personaliti neurotisme. Responden yang berada pada tahap rendah dimensi neurotisme adalah mempunyai kestabilan emosi, manakala responden pada tahap tinggi dimensi neurotisme adalah neurotik ataupun mempunyai ketidakstabilan emosi.

Hasil analisis kajian menunjukkan lebih ramai responden yang mempunyai dimensi yang tidak stabil emosinya iaitu sebanyak 52% peratus dan selebihnya iaitu 48% peratus mengalami ketidak stabilan emosi. Menurut Eysenck (1965), neurotik adalah emosi yang tidak stabil. Tahap neurotik remaja yang berada pada tahap sederhana menunjukkan mereka mampu mengimbangi emosi mereka dalam berhadapan dengan sesuatu situasi.

Jadual 4: Menganalisis Hubungan Personaliti dengan Tahap Pendidikan Remaja

Tahap Pendidikan Remaja (s)	Personaliti (r)
0.733	0.05

$k > 0.05$

Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang kuat dan signifikan antara personaliti dengan tahap pendidikan remaja iaitu nilai $r=0.05$, $p=.733$, $k > 0.05$. Maka hipotesis diterima. Ini menunjukkan bahawa personaliti mempengaruhi tahap pendidikan remaja di Kampung Seri Pilah. Namun, kajian ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Sauer dan Gattringer (1985, dalam Janang, 1999), faktor kecerdasan dan personality seseorang pelajar menentukan pencapaian akademik pelajar. Remaja yang cerdas akan lebih cepat menguasai perkara yang dipelajari.

5.0 CADANGAN DAN RUMUSAN

Berdasarkan dapatan dalam kajian ini, penyelidik ingin mengemukakan beberapa cadangan sebagai panduan untuk diaplikasikan. Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan kebanyakan remaja di Kampung Seri Pilah hanya melanjutkan pelajaran sehingga PT3 dan SPM. Oleh itu, ibu bapa harus sedar betapa pentingnya pembelajaran dan pengajaran dalam personaliti anak-anak mereka. Ibu bapa

haruslah berusaha untuk mewujudkan satu suasana yang baik dan positif untuk memastikan berkeinginan untuk ke sekolah. Hal ini demikian kerana anak-anak perlu dididik dalam budaya hidup suka akan pembelajaran untuk menjamin masa depan hidup mereka.

Dicadangkan agar Majlis Pembangunan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Seri Pilah banyak mengadakan lebih banyak kursus motivasi dan kesedaran tentang keperluan pembelajaran dan personaliti yang baik untuk memastikan remaja sentiasa mempunyai tanggapan positif tentang diri mereka. Melalui motivasi yang baik akan memberi kesedaran dalaman kepada diri remaja supaya dapat menjamin pencapaian akademik yang cemerlang.

Guru di sekolah juga memainkan peranan penting dalam membentuk personaliti remaja kerana mereka menjadi model ikutan para pelajar di sekolah. Oleh itu, adalah penting untuk bakal-bakal guru ini mempunyai konsep sendiri yang tinggi.

Daripada perbincangan di atas, penulis mendapati bahawa kebanyakan responden mempunyai jenis personaliti ekstrovert berbanding introvert dan analisis juga mendapati majoriti responden mempunyai personaliti neurotik berbanding kestabilan emosi. Hal ini mungkin, disebabkan oleh keadaan demografi remaja mempengaruhi personaliti pelajar yang mana berkaitan dengan tahap akademik dan gaji ibu bapa mereka. Kestabilan personaliti wujud disebabkan keadaan dalam keluarga misalnya masalah keluarga menyebabkan remaja lebih matang untuk berfikir. Jika sesebuah masyarakat itu terdiri daripada individu yang mempunyai mental yang bersih dan waras, maka masalah sosial tidak akan berlaku. Ini membawa kepada kestabilan personaliti di kalangan remaja.

Sumbangan Pengarang

Fadzil, N. D. M. & Yahya, S. A., Proses penulisan melibatkan pengenalan, perbincangan penyusunan idea, semakan gaya bahasa, dan penyuntingan draf akhir dilaksanakan dan keseluruhan penyediaan artikel disempurnakan secara kolektif oleh semua pihak yang terlibat.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim.

Allport, G. W. (1971) *Personality : A Psychological Interpretation*. London :Redwood Press Limited.

Atkinson, Rita. et.al. (2002). *Pengantar Psikologi*. Jakarta: Interaksara.

- Eysenck, H. J. (1947). *Dimensions of Personality*. London : Routledge and KeganPaul.
- Ismail Sulaiman. 2019. *Kualiti Pendidikan Malaysia Antara Terbaik di Dunia*. Sinar Harian. 27 Januari 2019.
- Kamus Dewan Edisi Keempat.
- Khairunnisa, S. R., Bolong, J. & Tamam, E. (2018). *Pola Pameran Emosi Individu Introvert dan Ekstrovert dalam Facebook: Pendekatan Eksperimen Awal*. Jurnal Komunikasi Jilid 34(3).
- Mahyuddin, R., Elias, H. & Roslan, S. (2007). *Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan*.
- Mavis Janang (1999). *Hubungkait Trait-Trait Personaliti Dengan Kecerdasan Mental Pelajar*. Projek Sarjana Muda Yang Tidak Diterbitkan. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia
- Nawi, N. H. M. & Othman, B. (2015). Personaliti: Konsep, Kunci dan Sumber Menurut Perspektif Islam. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*.
- Singh, N. K. P. (2002). Hubungan di antara Dimensi Personaliti, Konsep Kendiri dengan Pengaruh Keluarga di Tanah Rancangan Felda. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Srivastava, S., Angelo, K. M., & Vallereux, S. R. (2008). *Extraversion and positive affect: A day reconstruction study of person–environment transactions*. *Journal of Research in Personality*, 42(6), 1613–1618.
- Utz, S. (2010). Show Me Your Friends And I Will Tell You What Type Of Person You Are: How One's Profile, Number Of Friends, And Type Of Friends Influence Impression Formation On Social Network Sites. *Journal of Computer-Mediated Communication*, 15(2), 314–335.